

# Jenazah pensyarah UMS tiba hari ini

Larissa Lumandan DE 23.8.14

KOTA KINABALU: Jenazah pensyarah TESL Universiti Malaysia Sabah (UMS), Ng Shi Ing dijangka tiba di Kuala Lumpur hari ini, menurut Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Profesor Dr Ismail Ibrahim.

"Menurut pesanan yang dihantar oleh suami Ng melalui WhatsApp, jenazah Ng telah ditemui dan mungkin tiba esok (Sabtu). Bagaimanapun, saya tidak pasti mengenai anak mereka yang berumur setahun, Benjamin Ng Lee Jian. Saya berharap jenazah Benjamin akan ditemui segera," katanya.

Menurutnya, Ng sebelum ini menghadiri Persidangan Penyelidikan CALL Antarabangsa ke-15 di Antwerp University di Belgium sebagai sebahagian tugasnya untuk menyampaikan satu kertas kerja.

"Ng dalam tempoh kurang tiga tahun perkhidmatannya, melibatkan diri dalam beberapa projek penyelidikan bernilai tidak kurang daripada RM480,000 dan lima daripadanya telah siap," katanya, menambah Ng menghasilkan lima artikel jurnal, lima bab dalam sebuah buku serta lebih daripada 10 artikel yang telah pun dimuat naik ke Prosiding.

Selain itu, dia juga mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa di Ahmedabad, India, Vietnam, Thailand, Beijing, China, Taiwan dan akhirnya di University of Antwerp di Belgium.

"Sebagai Ketua Jabatan, saya rasa sukar untuk mencari penggantinya," kata beliau, menambah kesemua barang miliknya masih ada di pejabat dan hanya akan dikemasukan selepas mendapat persetujuan suaminya.

Ismail berkata demikian semasa Hari Perkabungan Negara bagi mereka yang terbabit dalam nahas penerbangan MH17 yang diadakan di dewan fakulti di sini, Jumaat.

Adik Ng, Elisabeth Ng Lyeti yang mengiringinya semasa perjalanan mereka juga terkorban selepas pesawat yang mereka naiki ditembak jatuh di Ukraine timur pada 17 Julai.

Abu Elisabeth tiba dari Belanda di Kuala Lumpur awal Jumaat dan akan disemadikan di Muar, Johor.

Sementara itu, jiran Ng yang juga bekas rakan sekolej, Profesor Madya Mat Zin Mat Kib turut menyatakan kesedihan dan salam takziah kepada keluarga Ng.

"Saya sangat sedih dengan kehilangan Ng kerana dia tinggal bertentangan dengan rumah saya. Dia seorang yang peramah dan seorang jiran yang baik kerana kami bertegus sapa setiap pagi. Saya sering melihat dia menyidai kain di luar rumahnya dan dia akan

bertanya dengan saya sama ada sudah makan," katanya, menambah mereka sudah menjadi jiran selama lebih kurang tiga tahun.

"Dia merupakan salah seorang dari pada rakan akademik saya dan kami sering bertukar-tukar pendapat. Saya kehilangan seorang kawan baik, seorang kawan akademik dan seorang jiran," tambahnya sambil menyatakan yang sesungguhnya suaminya berhadapan dengan ujian besar.

Menurut Mat, Ng turut menghabiskan masa bersama-sama suami dan anak lelakinya di taman sebelum meninggalkan Malaysia pada 5 Julai.

"Apa yang saya tahu, Ng bukannya orang yang bersikap suka keluar. Saya terkejut apabila saya nampak dia keluar ke taman, menikmati pemandangan tasik dan pepohonan sambil bermain dengan anak lelakinya," katanya sambil mengatakan ada berjumpa dengan suami Ng sebanyak dua kali selepas tragedi berlaku.

Terdapat khabar angin bahawa suami Ng, Leftenan Komander, Lee Vee Weng, seorang pegawai Tentara Laut Diraja Malaysia di Sepanggar sudah memutuskan untuk berpindah ke Lumut Perak.

Semasa upacara, bekas-bekas pelajar turut mengambil kesempatan memberikan penghormatan terakhir kepada Ng.

Pelajar Ijazah TESL UMS, Joan James turut mendakwa bahawa Ng sepanjang menjadi pensyarahnya turut memberi inspirasi kepadanya.

"Dia seorang pensyarah yang sentiasa senang hati. Dia tidak memberikan tekanan kepada kami para pelajarnya ketika dalam kelas," katanya, menambah, dia tidak dapat menerima hakikat bahawa Ng sudah pergi.

"Saya seorang pembantu penyelidik dan pejabat saya bertentangan dengan pejabatnya. Sekarang apabila saya melihat biliknya kosong, saya mendapati begitu susah untuk menerima bahawa dia sudah tiada dan saya cuba untuk tidak percaya selama sebulan," katanya.

"Sehingga semalam (Khamis), apabila saya bermimpi tentangnya dan merasakan kehadirannya maka saya memutuskan untuk menerima bahawa dia sudah tiada dan saya percaya dia sekarang ini berada di tempat yang lebih baik," tambah James.

Pelajar tahun akhir TEST, Jaclyn Lau dan Grace Law yang juga merupakan bekas pelajar Ng turut berkata bahawa Ng menjadi inspirasi kepada mereka terutama dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Dia tegas tetapi suka membantu dengan memberikan idea-idea kepada kami. Dia lebih percaya kepada kami melebihi kepercayaan kami terhadap diri sendiri," kata mereka.